

# UnI@SIHAT

100-UiTMSEL(HEP/UKES:8/9) . EDISI 1 ( JAN - JUN 2025 )



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, terbit edisi pertama Buletin UnI@SIHAT yang merupakan salah satu inisiatif Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor dalam menyampaikan maklumat kesihatan secara proaktif dan inklusif kepada seluruh warga kampus.

## SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

**DR SALIANA SADI**

KETUA EDITOR

**DR ERNIE ROZAINI SULAIMAN**

PENYELARAS

**MUHAMMAD SHAZWAN ZULKEPLI**

PENYUNTING

**AFIZA SUKARTI**

**NUR FAZERA MOHD NORDIN**

PENGARANG

**RAHMATON HIDAYAH HASHIM**

**MUHAMMAD ALIFF AIMAN AHMAD**

**NADIAH JAAFAR**

**BIBI NUR AISYAH AHMAD SHAH**

**ZAINATOLNADIAH HAPIPI**

Buletin ini merupakan wadah perkongsian ilmu dan maklumat kesihatan yang relevan, selaras dengan usaha membina komuniti kampus yang sihat dan sejahtera serta menyokong misi *Caring for Campus, Protecting Futures* ke arah Kesejahteraan Kampus.

Setinggi penghargaan kepada warga Unit Kesihatan serta penulis dan penyumbang artikel atas komitmen dan perkongsian ilmu. Semoga usaha ini memberi manfaat dan kebaikan bersama.

Akhir kata, saya menyeru semua warga untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat, menjaga keseimbangan emosi serta mengambil cakna terhadap kesihatan diri dan komuniti. Jadikan Buletin UnI@SIHAT ini sebagai teman bual minda dan hati demi menjadi warga hebat yang lebih kuat dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

"Sihat Akal, Sihat Fizikal, Sihat Emosi -  
Warga Hebat, Negara Maju."



**Dr. Saliana Sadi**  
Ketua Unit Kesihatan  
UiTM Cawangan Selangor  
Kampus Puncak Alam & Kampus Puncak Perdana



# MAU'IZAH


Anjuran bersama Bahagian Hal Ehwal Islam  
UiTM Cawangan Selangor (Kampus Puncak Alam)

# WEBINAR



## PROGRAM MAU'IZAH UKES 2025 - SIRI 1/2025:

Pada **25 Mac 2025** dengan ceramah bertajuk **“Dahsyatnya Pahala 10 Ramadhan Terakhir”** telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Najih Irsyad bin Ahmad Puhad, Penolong Pendaftar (Hal Ehwal Islam), bagi menyemarakkan penghayatan Ramadan. Program tanpa implikasi kewangan ini disertai oleh 61 staf dari Kampus Puncak Alam, Puncak Perdana dan Shah Alam.



## PROGRAM MAU'IZAH UKES 2025 - SIRI 2/2025

Siri kedua diteruskan pada **6 Jun 2025** dengan perkongsian bertajuk **“Korban Masa, Tenaga & Rasa: Demi Satu Amanah”** yang disampaikan oleh Ustaz Khairul Azwad Ibrahim. Program ini berjaya menarik penyertaan seramai 59 staf dari pelbagai jabatan di Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana.

**HEALTH AWARENESS WEBINAR 1/2025**  
**CONFIDENCE BEYOND ACNE : YOU ARE MORE THAN YOUR SKIN**  
6 MARCH 2025 - THURSDAY  
10.30 AM - 12.00 P.M  
Unit Kesihatan Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor  
**PROF MADYA DR TARITA BINTI TAIB**  
Consultant Dermatologist & Internal Medicine  
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

## HEALTH AWARENESS WEBINAR SIRI 01/2025

Webinar ini bertujuan memberi pendidikan, pengetahuan dan panduan pengurusan jerawat yang boleh menjejaskan keyakinan diri. Seramai **1,335 peserta** telah menyertai, dan **99.8%** daripada mereka mendapat maklumat baharu yang bermanfaat.

**LIVE WEBINAR:**  
Let's Talk Minda Sihat @ UiTM Siri 1/2025: Kesedaran Kesihatan Mental  
**Senyum Luar, Luka Dalam**  
"Nampak ceria di luar, tapi luka di dalam siapa yang tahu?"  
Panel:  
**FARAH FARHANA ABDUL AZIZ**  
Pegawai Psikologi UiTM Kampus Sungai Buloh  
Selasa 27 Mei 2025  
10 am - 12 pm  
Anjuran Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam

## WEBINAR LET'S TALK MINDA SIHAT@UITM SIRI 1/2025

Webinar ini bertujuan memberi pendidikan, pengetahuan dan panduan pengurusan berkaitan tanda-tanda masalah mental. Seramai **1,076 peserta** telah menyertai, dan **99.9%** daripada mereka memperoleh maklumat baharu yang bermanfaat.





## SIRI 1/2025 - REVOLUTIONARY GLOVE : COATS AND ANTIMICROBIAL GLOVE 27 JANUARI 2025

Program *Lunch Talk* Siri 1/2025 ini diadakan untuk memperkenalkan dan menerangkan mengenai teknologi COATS iaitu teknologi sarung tangan nitril yang dipatenkan dan keunikan COATS menggunakan faedah hebat oat semulajadi, perlindungan kulit yang diiktiraf FDA sebagai salutan yang membentuk penghalang pelembab semulajadi antara sarung tangan dan kulit.

Disampaikan oleh Dr Saliza Mohd Nazri, Pengarah Syarikat Medico Sdn Berhad.



## SIRI 2/2025 : EXPLORING THE PREVALENCE OF ANTIBIOTIC USE IN ACNE TREATMENT AND NON-ANTIBIOTIC SOLUTIONS 28 MEI 2025

Program *Lunch Talk* memberi penerangan mengenai jenis-jenis jerawat, serta peranan dan risiko penggunaan antibiotik dalam rawatan. Penceramah turut memperkenalkan rangkaian produk Galderma sebagai pilihan rawatan atopik seperti *Cetaphil*, *Benzac* dan *Differin*.

Program dimulakan dengan ceramah seterusnya sesi soal jawab dari kakitangan.

Disampaikan oleh Miss Jeslyn Lim, *Senior Product Specialist* daripada Galderma Malaysia Sdn. Bhd.



# LAWATAN ILMIAH

## LAWATAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI (PKU), UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)



Seramai 28 orang pekerja yang diketuai oleh Dr. Daeng Malis bin Hj Abd Kahar telah mengadakan lawatan kerja ke Unit Kesihatan Awam, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam. Lawatan bertujuan untuk melihat pelaksanaan dan pemantauan kebersihan makanan, pengurusan dan pencegahan denggi, serta perkongsian perkhidmatan pesakit luar. Selain itu, turut diberi perhatian ialah pengurusan perolehan bekalan dan stor yang diamalkan oleh warga Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor.



## CAKNA STATUS KESIHATAN ANDA

**CERAMAH KESIHATAN | 9.30 PAGI - 10.30 PAGI**

- ✓ PERCUMA
- ✓ JAM LATIHAN DISEDIAKAN

**SARINGAN KESIHATAN | 10.30 PAGI - 3.30 PETANG**

**RM5.00**  
TERHAD 120 PESERTA SAHAJA

- ✓ UJIAN BUAH PINGGANG
- ✓ INDEKS JISIM BADAN (BODY MASS INDEX)
- ✓ UJIAN DARAH GLUKOSA
- ✓ SESI KONSULTASI KESIHATAN

**PENDAFTARAN**

MERIT DIBERIKAN KEPADA PELAJAR

**16** Rabu  
**APRIL** 9.30pagi - 3.30petang  
**2025** PTAR,UiTM Puncak Alam

Unit Kesihatan  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Selangor

NATIONAL KIDNEY FOUNDATION

## KEMPEN "BERSAMA MENJAGA KESIHATAN BUAH PINGGANG" DENGAN KERJASAMA NATIONAL KIDNEY FOUNDATION (NKF)

Kempen ini bertujuan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung bahaya penyakit buah pinggang melalui langkah pencegahan, kesedaran dan sebagainya agar memiliki buah pinggang yang sihat. Seramai 139 orang telah menyertai, 90 pelajar dan 49 orang staf UiTM. Daripada keseluruhan peserta, seramai 5 orang telah dirujuk ke Unit Kesihatan untuk mendapatkan rawatan susulan.



## KEMPEN DERMA DARAH PERDANA 'UiTM HEARTBEAT' - UCS KPA & KPP

Program 'UiTM HEARTBEAT: Nationwide Blood Drive for a Better Tomorrow' merupakan inisiatif Pejabat Komunikasi Strategik UiTM Shah Alam, dengan kerjasama Unit Korporat dan Unit Kesihatan di setiap kampus, yang bertujuan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat melalui penganjuran kempen derma darah secara serentak di seluruh kampus UiTM di Malaysia.

LOKASI KAMPUS	MENDAFTAR	BERJAYA MENDERMA	DITANGGUH (DEFER)
KPA	106	77	29
KPP	108	74	34

### Kempen Derma DARAH PERDANA

SEMENA HARI PENDERMA DARAH SEDUNIA

Terbuka kepada orang awam

16 Jun 2025

jam: 10.00 pagi - 4.00 petang

#### UiTM Cawangan Selangor

**Kampus Puncak Alam**  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

**Kampus Puncak Perdana**  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

**Kampus Sungai Buloh**  
Lobi Fakulti Perubatan

**Aktiviti**

- 1. Derma darah.
- 2. Pameran kesihatan dan kesedaran mengenai kepentingan derma darah.
- 3. Sesi Perkongsian Ilmu: Kesedaran & Cara Pencegahan Penyakit HIV.

**Syarat Khas Penderma**

1. Sihat tubuh badan.
2. Berumur 18 hingga 60 tahun.
3. Berat badan 45kg ke atas.
4. Tidak minum 5 jam.
5. Tiada masalah kesihatan.
6. Sila bawa bersama kad pengenalan atau pasport asal untuk tujuan pengesahan.
7. Makan makanan berat sebelum menderma darah.
8. Tidak terlibat di dalam sebarang kegiatan berisiko tinggi. (Contohnya pengambilan dadah, bertukar-tukar pasangan seks dan hubungan sejenis).
9. Pendermaan terakhir 3 bulan lepas.
10. Bagi penderma wanita, tidak mengandung, bukan dalam haid, tidak menyusukan anak.
11. Menetap di Malaysia sekurang-kurangnya 1 tahun (bagi bukan warganegara).

Semua warga UiTM, alumni, rakan industri dan komuniti setempat yang memenuhi kriteria untuk menderma darah dialu-alukan untuk turut serta.





## KOLABORASI



## PROGRAM SEJIWA SIHAT 2025

Program Sejiwa Sihat UCS merupakan inisiatif MPP UiTM Cawangan Selangor dengan kerjasama PKD Petaling dan Unit Kesihatan UiTM Kampus Puncak Perdana. Bertempat di Masjid Ar-Raudhah, program ini melibatkan 100 peserta dan merangkumi aktiviti seperti pemeriksaan kesihatan percuma, *brisk walk*, kutipan sampah serta sesi *art therapy* oleh Unit Psikologi dan Kaunseling. Program ini turut disokong oleh badan kepimpinan pelajar seperti COMBI dan Persatuan Pembimbing Rakan Sebaya (PEERS) sebagai rakan kolaborasi utama.

## FB LIVE

### WEBINAR LANGKAH 10 MINIT: HAPUSKAN AEDES, CEGAH DENGGI SIRI 2/2025 ANJURAN KELAB COMBI DENGAN KERJASAMA UNIT KESIHATAN

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang demam denggi dalam kalangan pelajar, staf dan masyarakat. Ia menerangkan konsep denggi, tempat pembiakan nyamuk Aedes, serta cara mencegahnya. Program mendapat sambutan baik dengan lebih 1,000 penonton dari UiTM dan orang awam.

**LANGKAH 10 MINIT: HAPUSKAN AEDES, CEGAH DENGGI**  
 Anjuran Persatuan Communication of Behavioral Impact (COMBI) UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana

JUMAAT 9 Mei 2025  
 BERMULA PADA 08:30pm - 9:30pm

Unit Kesihatan UiTM Puncak Perdana  
 DR. NURFAZLINDA MD SHAH  
 Pakar Perubahan Kesihatan Awam (UD56)

**BAHAYA UBAT TANPA PRESKRIPSI: ELAKKAN RISIKO!**

ANJURAN :  
 UNIT KESIHATAN  
 UiTM CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK PERDANA

10 APRIL 2025 (-KHAMIS)  
 10.30 PAGI - 11.30 PAGI

FACEBOOK UiTM PUNCAK PERDANA

### WEBINAR HEALTHYU SIRI 01/2025: BAHAYA UBAT TANPA PRESKRIPSI ELAKKAN RISIKO!

Webinar ini dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran tentang risiko pengambilan ubat tanpa nasihat profesional. Seramai 880 peserta menyertai program ini, dengan hampir kesemua (99.8%) menyatakan program ini sangat bermanfaat dan memberi pengetahuan baru.

**MPOX PERBEZAAN ANTARA MPOX, CHICKENPOX DAN HFMD**

Tanda dan Gejala	Tanda dan Gejala		
	MPOX	CHICKENPOX	PENYAKIT LANGKAH 10 MINIT (DENGGI)
Demam	Demam, suhu melebihi 38.0°C (kadang-kadang tanpa demam)	Suhu tidak melebihi 38.0°C	Suhu tidak melebihi 38.0°C
Sakit kepala	Ya	Ya	Tidak
Bergakuk/batuk/limpa	Ya	Tidak	Tidak
Ruam/tepuh pada tapak tangan dan tapak kaki	Ya	Jarang	Ya
Taburan ruam/tepuh	Terutama di muka, tangan dan kaki. Bermula dari muka dan menyebar ke seluruh badan. Biasanya 1-5 hari selepas terdedah kepada virus (kadang-kadang selepas beberapa hari selepas terdedah)	Terutama pada badan	Terutama pada muka, tangan dan kaki
Perubahan ruam/tepuh	Perubahan ruam/tepuh pada mata terutamanya	Perubahan ruam/tepuh dalam peringkat berjangkit	Perubahan ruam/tepuh dalam peringkat berjangkit
Vaksinasi	Masih belum tersedia secara komersial	Vaksin Varivax boleh digunakan di hospital/kesihatan awam	Ya


### WEBINAR HEALTHYU SIRI 02/2025: MENGENALI MPOX, CHICKENPOX DAN HFMD PANDUAN UNTUK WARGA

Webinar ini membincangkan simptom dan pencegahan MPox, Chickenpox serta HFMD. Seramai 463 peserta menyertai, dengan 99.8% mengakui program ini memberi ilmu baharu dan manfaat praktikal tentang cara mencegah penyebaran penyakit berkenaan.



## AUDIT PEMATUHAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN MESYUARAT UiTM CAWANGAN SELANGOR (APTUm) KEPADA SETIAUSAHA JAWATANKUASA TABUNG AMANAH UNIT KESIHATAN

Tujuan audit dilaksanakan adalah untuk menyemak dan meneliti proses tadbir urus bagi jawatankuasa di peringkat operasi dan feeder di PTJ mengikut *Term of Reference* (TOR) dan garis panduan yang ditetapkan di samping meningkatkan kepercayaan terhadap akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pembuatan keputusan dan pengurusan mesyuarat. Jawatankuasa Tabung Amanah Unit Kesihatan telah memperoleh markah sebanyak 93% yang berada dalam kategori Cemerlang.



## FINALIS ANUGERAH KECEMERLANGAN OPERASI (OE 2024) PERINGKAT UiTM



Kumpulan C-Heart Unit Kesihatan telah tercalon sebagai finalis Kecemerlangan Operasi (OE) UiTM untuk projek Proses Pengeluaran Surat Akuan Kemudahan Perubatan Secara Atas Talian di Luar Waktu Pejabat. Projek ini bertujuan untuk melancarkan dan memudahkan proses pelajar mendapatkan rawatan di hospital disamping meningkatkan Happiness Index pelajar UiTM.



### Tahniah!

#### FINALIS KECEMERLANGAN OPERASI (OE2024) UiTM

- Final Year Project Management System (FYP-MS) KOLEJ PENGAJIAN KEJURUTERAAN
- Pengurusan Audit Dalam Perpustakaan Tun Abdul Razak PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
- Proses Kerja Pendaftaran Link Terimaan Bayaran Finepay UiTM CAWANGAN SELANGOR
- IEDU App - Intelligent Practicum Evaluation & Submission System FAKULTI PENDIDIKAN
- Kira Zakat Smart @iPT UiTM CAWANGAN PERAK
- Pengurusan Bilik Penyarah (i Room) UiTM CAWANGAN KEDAH
- Proses Tuntutan Ganti Rugi Pecah Kontrak Staf UiTM JABATAN PENDAFTAR
- Penambahbaikan Sistem Pengurusan Inventori Manikn dan Model di Clinical Simulation Centre (CSC) - Manikn Master FAKULTI PERUBATAN
- Transiping Cashless Food Hub: Hotcat Scan n'Go FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN
- Proses Pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan untuk Pengesahan Jawatan JABATAN PENDAFTAR

- i-Ray U UiTM CAWANGAN SELANGOR
- e-Bankal Akademik ACIS AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI
- Rekod Kewala Runci (RKR) UiTM CAWANGAN SELANGOR
- Digital Thesis Checking INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
- Proses Pengeluaran Surat Akuan Kemudahan Perubatan Secara Atas Talian di Luar Waktu Pejabat (EZGL) UiTM CAWANGAN SELANGOR
- Semakan Keperluan Pengarah Melalui Kaedah Pengisian Templat Formula Keperluan Penyarah (FKP) JABATAN PENDAFTAR
- Proses Kerja Pelaporan Perkhidmatan Bimbingan UiTM CAWANGAN SELANGOR
- Remind Me UiTM CAWANGAN PERAK
- Proses Semakan Kelayakan Pakaian Seragam (Uniform Platform Information - UPI/UCI) UiTM CAWANGAN SELANGOR



# ARTIKEL KESIHATAN

## KECEMASAN DI KAMPUS

### Apa perlu anda lakukan dulu ?



Kampus bukan sekadar tempat menimba ilmu, ia juga boleh menjadi lokasi berlakunya insiden kecemasan sebagai contoh penganan, pendarahan, sawan, serangan asma atau kemalangan kecil. Dalam saat genting begini, tindak balas pantas individu berhampiran mangsa boleh menyelamatkan nyawa seseorang. Namun begitu, ramai warga kampus masih tidak pasti, panik atau keliru bila berdepan situasi sebegini.

Langkah pertama yang penting ialah bertenang dan periksa keadaan mangsa. Adakah mereka sedar, bernafas, atau mengalami pendarahan yang serius. Seterusnya, segera dapatkan bantuan dengan menghubungi 999 dan maklumkan kepada pusat kesihatan universiti atau pasukan keselamatan kampus. Jika anda ada asas dalam pertolongan cemas seperti CPR, rawat luka atau tahu cara mengendalikan pesakit sawan, lakukan dengan cermat sementara bantuan sedang dalam perjalanan.

### TAHUKAH ANDA ?

Oleh: Zainatolnadiyah Hapipi

#### NASI PANAS vs NASI SEJUK



**Nasi sejuk** memiliki kadar gula yang rendah serta lambat diserap oleh tubuh dan menjadi kenyang lebih lama.

**Nasi panas** memiliki kadar gula yang tinggi serta cepat diserap oleh tubuh dan menjadi cepat lapar.

Ilmu asas kecemasan tidak terhad kepada petugas kesihatan. Ia adalah tanggungjawab bersama seluruh komuniti kampus. Pelajar, pensyarah boleh memainkan peranan jika dibekalkan ilmu yang sesuai. Hadir ke bengkel pertolongan cemas yang dianjurkan universiti, simpan nombor penting dalam telefon, dan ambil tahu lokasi peti kecemasan di sekitar kampus. Sifat prihatin hari ini mungkin boleh menyelamatkan satu nyawa esok.

## STAF PILIHAN UKES



**WAN MOHAMAD BIN WAN HUSSIN**



**NORHANA BINTI HJ YOB**

Jawatan : **Penolong Pegawai Perubatan**

Tempoh Berkhidmat di UiTM :  
11 Tahun (Kontrak -2012 hingga 2017, 2019-2025)

Latar belakang :  
Pemegang Diploma Pembantu Perawatan, Sijil Posbasik Perawatan Ortopedik, Sijil Sport Massage Advanced dan Sijil Aquatic Rescue Care Course

- Pencapaian terkini :
- AJK Program Perkongsian KIK UCS
  - Ahli OE 2024 (Anugerah Emas bagi Pembentangan Akhir Finalis OE UiTM UCS 2024 & Finalis OE2024 UiTM )
  - Jurulatih BSSM Cabang UCS Cawangan Selangor

Jawatan : **Penolong Pegawai Farmasi**

Tempoh Berkhidmat di UiTM :  
18 Tahun (2007-2025)

Latar belakang :  
Pemegang Sijil Pembantu Farmasi

- Pencapaian terkini :
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang : 2010
  - Ahli Jawatankuasa Teknikal Ubat, Surgical Sundries dan Pembelian Peralatan Perubatan Unit Kesihatan UiTM Puncak Alam
  - Ketua Kumpulan OE 2024 (Anugerah Emas bagi Pembentangan Akhir Finalis OE UiTM UCS 2024 & Finalis OE2024 UiTM )



# HEBAHAN PROGRAM AKAN DATANG

C  
A  
M  
P  
U  
S  
  
R  
O  
A  
D  
  
T  
O  
U  
R

**TARIKH**

28 JUN 2025 ( SABTU )  
KOLEJ ANGSANA & CASUARINA

5 JULAI 2025 ( SABTU )  
KOLEJ ZAMRUD & BAIDURI

11 OKTOBER 2025 ( SABTU )  
KOLEJ JASMINE

1 NOVEMBER 2025 ( SABTU )  
KOLEJ DAHLIA

6 DISEMBER 2025 ( SABTU )  
KOLEJ RAFFLESIA

Untuk maklumat lanjut, hubungi:  
PN RAZIMAH ( 03-3258 4139 )

## KESEJAHTERAAN REMAJA BEBAS HIV RED FLAG : HIV DAN BELIA

Aktiviti Menarik Menanti Anda !

- Senamrobik
- Ceramah Kesihatan
- Saringan Kesihatan
- Pameran Kesihatan

### TEKA SAINS:

Saya ada 206 apabila dewasa tapi lebih 300 bila bayi. Saya keras tapi penting. Siapa saya?

// Jawapan: Tulang Manusia //

## HUBUNGI KAMI :

ALAMAT  
UNIT KESIHATAN,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM),  
CAWANGAN SELANGOR,  
KAMPUS PUNCAK ALAM,  
ARAS 2, PUSAT KEGIATAN PELAJAR ,  
42300 PUNCAK ALAM

NOMBOR TELEFON  
03-3258 4131 (UKPA)  
03-7962 2344 (UKPP)

PAUTAN LINKTREE  
<https://linktr.ee/ukpalammedic>

EMEL RASMI  
[unitkesihatanselangor@uitm.edu.my](mailto:unitkesihatanselangor@uitm.edu.my)



@ukpalammedic  
Perkhidmatan Perubatan disediakan untuk kemudahan warga UiTM Kampus Puncak Alam

KEMUDAHAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

- 1) PULJAMAN PERALATAN PERUBATAN
- 2) BANTUAN PERKHIDMATAN PERUBATAN
- 3) PENGHANTARAN BAGI TEMULIHAN PELAJAR KE HOSPITAL/KLINIK KERAJAAN
- 4) SURAT AKUAN KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN PELAJAR (SU)
- 5) PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN HEALTHY 40
- 6) KLINIK BERHENTI MEROKOK

MAKLUM BALAS DAN ADUAN PELANGGAN

- 1) MAKLUM BALAS PELANGGAN
- 2) BORANG ADUAN PELANGGAN

Join ukpalammedic on Linktree



Unit Kesihatan  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Selangor



unit\_kesihatan\_kpa\_uitm



ukuitmpuncakperdana  
ukkpautmofficial